

NO. SOALAN : 276

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

SOALAN :

YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bagaimanakah dengan semua "*hard copy*" dokumentasi Kerajaan pusat dan negeri dapat disimpan. Dokumen-dokumen seperti dari SSM, JPN, kastam, imigresen, polis, hospital, pejabat tanah dan lain-lain:-

- (a) cara dan proses untuk orang awam mendapat carian rasmi dokumen-dokumen ini dan adakah bayaran diperlukan; dan
- (b) adakah dokumen-dokumen tersebut disimpan oleh agensi Kerajaan atau syarikat swasta.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semua dokumen dan rekod Kerajaan Pusat dan Negeri disimpan oleh Jabatan masing-masing. Namun setelah dokumen dan dan rekod tersebut tamat tindakan, tindakan pelupusan akan diambil dengan mengemukakan permohonan kepada Arkib Negara Malaysia. Setelah dibuat penilaian barulah dokumen dan rekod tersebut sama ada boleh dipindah ke Arkib Negara Malaysia, disimpan terus di jabatan atau dimusnahkan.

Orang awam boleh membuat carian bahan di Arkib Negara Malaysia dengan melayari www.ofa.arkib.gov.my atau hadir sendiri di Dewan Penyelidikan Arkib Negara Malaysia. Orang awam tidak perlu membuat apa-apa bayaran semasa membuat carian. Walau bagaimanapun, perkhidmatan penyalinan bahan dikenakan bayaran sepertimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Arkib Negara (Fi) 2015.

Rekod-rekod atau dokumen yang mempunyai nilai kearkiban akan disimpan dan dipelihara di Repositori Arkib Negara Malaysia. Walau bagaimanapun masih ada rekod-rekod atau dokumen yang diguna oleh pejabat awam disimpan di pejabat mereka. Arkib Negara Malaysia tidak menyimpan dokumen dan rekod Kerajaan Pusat dan Negeri di syarikat swasta.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (277)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

SOALAN :-

Y.B. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan tentang syarat-syarat mengenai pembela anjing oleh penghuni di taman perumahan :-

- (a) apakah syarat-syarat tertentu untuk pembela anjing ini. Adakah rumah teres dibenarkan untuk tujuan ini; dan
- (b) adakah pembela anjing di taman perumahan dapat memantau kita mencegah dan mengurangkan kes kecurian dan kes pecah rumah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat tertentu untuk pembela anjing ini telah dinyatakan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah Undang-Undang Kecil (UKK) Perlesenan Anjing. Antara syarat-syarat yang dinyatakan di dalam UKK ini adalah seperti berikut:

- i. pembela anjing yang anjingnya telah berusia tiga bulan ke atas mesti mendapatkan lesen dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Lesen ini boleh dipohon untuk tempoh satu hingga tiga tahun dan perlu diperbaharui sebelum tamat tempoh lesen;
- ii. bagi permohonan lesen untuk kali pertama, anjing tersebut perlu didaftarkan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertujuan untuk menyimpan maklumat asas seperti nama nama serta alamat pemunya; dan

- iii. pembela perlu mendapatkan persetujuan daripada jiran-jirannya sekurang-kurangnya dua jiran dan bagi pembela yang rumahnya berhampiran premis berisiko seperti tadika, perlu mendapatkan persetujuan daripada tiga orang jirannya.

UKK tersebut juga menetapkan jenis rumah dan bilangan maksimum yang dibenarkan untuk membela anjing seperti berikut:

- a. Rumah banglo – 3 ekor;
- b. Rumah berkembar / *semidetached* – 2 ekor;
- c. Rumah teres lot / link / lot tepi – 1 ekor;
- d. Rumah kluster 4 / setiap unit – 1 ekor;
- e. Kilang perindustrian – 1 ekor;
- f. Lain-lain premis – 1 ekor; dan
- g. Kawasan ladang – mengikut keluasan iaitu bagi kurang dari 1,000 meter persegi adalah tidak melebihi 2 ekor anjing. Manakala bagi keluasan melebihi 1,000 meter persegi hadnya adalah 4 ekor anjing melainkan jika selainnya diluluskan oleh Majlis.

Sehubungan dengan itu, penghuni rumah teres tiada halangan untuk membela anjing. Walau bagaimanapun, **rumah pangsa / bertingkat tidak dibenarkan memelihara anjing.**

- (b) Pada masa ini, tiada kajian dilaksanakan mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, secara amnya dengan membela anjing, ianya boleh membantu penghuni memantau, mencegah dan mengurangkan kes kecurian serta kes pecah rumah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

SOALAN :-

Y.B. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan tentang syarat-syarat mengenai "Gated Community" :-

- (a) semua syarat dan keperluan untuk satu taman perumahan dijadikan sebuah "Gated Community" ;dan
- (b) apakah masalah yang timbul jika satu taman perumahan yang sedia ada ingin menjadikan sebagai sebuah "Gated Community".

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) telah menerbitkan **garis panduan khusus** berkaitan pembangunan **Skim Komuniti Berpagar (*Gated Community*)** dan **Skim Kejiranan Berpengawal (*Guarded Neighbourhood*)**. Garis Panduan Perancangan ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi teknikal di dalam merancang dan mengawal pembangunan perumahan berkonsepkan "*Gated Community*" dan "*Guarded Neighbourhood*". Garis panduan ini juga memberi panduan asas kepada pemaju dan juga persatuan penduduk di dalam membangunkan skim "*Gated Community*" dan menubuhkan "*Guarded Neighbourhood*".

Garis Panduan Perancangan ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 28 Julai 2010 dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-63 pada 2 September 2010 untuk **diterimapakai dan dikuatkuasakan** di peringkat Negeri dan juga PBT di Semenanjung Malaysia kecuali Negeri Selangor (dengan pengubahsuaian).

Syarat-syarat asas penubuhan skim “Gated Community”

Pembangunan “Gated Community” adalah selaras dengan peruntukkan Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) (Pindaan 2007) dan hanya dibenarkan di lokasi-lokasi yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi khususnya di kawasan bandar. Cadangan pembangunan “Gated Community” ini **perlu ditentukan di dalam pelan susunatur,** khususnya bagi pemajuan kediaman berskala besar. Keluasan setiap skim “Gated Community” adalah antara 1 hektar (minimum) hingga 10 hektar (maksimum) atau jika mencapai bilangan 200-500 unit kediaman bagi sesebuah skim.

Kemudahan-kemudahan harta bersama (*common property*) termasuk juga jalan di dalam setiap skim “Gated Community” adalah milik

komuniti, dan ianya perlu diselenggara sendiri oleh penghuni melalui perbadanan pengurusan (*management corporation*) yang dilantik.

Selain daripada syarat umum yang dinyatakan, garis panduan perancangan ini juga menetapkan garis panduan khusus yang merangkumi 14 aspek piawaian kawalan perancangan fizikal iaitu:

- i. Saiz keluasan pembangunan;
- ii. Perancangan tapak;
- iii. Lokasi pembangunan;
- iv. Sistem dan hirarki jalan raya;
- v. Reka bentuk perumahan dan anjakan bangunan;
- vi. Pembinaan pagar/tembok;
- vii. Laluan keluar-masuk;
- viii. Pembinaan pondok pengawal;
- ix. Landskap dan penanaman pokok;
- x. Ketinggian bangunan;
- xi. Penyediaan tempat letak kenderaan;
- xii. Laluan khas utiliti;
- xiii. Perletakan kemudahan awam; dan
- xiv. Nama taman/kejiranan.

(b) Sekiranya satu taman perumahan sedia ada ingin menjadi sebagai sebuah “*Gated Community*”, taman perumahan tersebut (yang berhakmilik individu) **perlu mendapat konsesi 100% penduduk kerana akan melibatkan pindaan kepada hak milik tanah.** Ini memandangkan “*Gated Community*” merupakan skim perumahan yang **berhakmilik strata**. Di dalam hal ini, perlu ditegaskan bahawa “*Gated Community*” **hanya boleh dirancang dari peringkat awal cadangan pemajuan perumahan.** Walau bagaimanapun, di dalam senario semasa terdapat banyak skim perumahan sedia ada yang telah dijadikan sebagai “**Guarded Neighbourhood**” secara ‘*ad-hoc*’ di atas faktor keselamatan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIM TONG HIM
DARIPADA [KOTA MELAKA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagi tempoh masa dari tahun 2010 ke tahun 2016, jumlah peruntukan diagihkan kepada sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan SJK (C), SJK (T) :-

- (a) bilangan murid mengikut SJK, SJK (C) dan SJK (T) serta panduan untuk pengagihan peruntukan tahunan kepada sekolah terlibat; dan
- (b) memandangkan terdapat kekurangan sekolah di bandar terutama SJK (C) adakah Kerajaan bercadang menambah SJK (C) di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan Mengurus bagi menampung keperluan pengoperasian kepada Sekolah Kebangsaan (SK) sebanyak RM73,016,183,695, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sebanyak

RM13,962,248,316, dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) sebanyak RM5,446,369,425 dari tahun 2010 hingga 2016.

Kementerian juga menyalurkan peruntukan Bantuan Persekolahan kepada SK sebanyak RM14,883,602,641, SJKC sebanyak RM620,850,580 dan SJKT sebanyak RM314,042,145 dari tahun 2011 hingga 2015.

Pengagihan peruntukan adalah berdasarkan keperluan sebenar sekolah-sekolah berkaitan yang dipohon melalui peruntukan tahunan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan/Surat-Surat Pekeliling Kewangan/Garis Panduan serta lain-lain peraturan yang berkuatkuasa

- (b) KPM sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pendidikan masyarakat setempat termasuk di kawasan bandar. Dalam perkara ini, KPM merancang pembinaan sekolah baharu atau bilik darjah tambahan di sekolah sedia ada untuk menyediakan peluang pendidikan untuk semua kaum. Walau bagaimanapun, pembinaan sekolah baharu atau bangunan tambahan di bandar-bandar adalah juga bergantung kepada kesediaan tapak yang sesuai dan kemampuan kewangan kerajaan.